

05 JUN 2003

Koh-Air

KOH MINTA MAJLIS SUMBER AIR NEGARA ADAKAN MESYUARAT KEDUA

PULAU PINANG, 5 Jun (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini menggesa Majlis Sumber Air Negara menganjurkan mesyuarat keduanya bertujuan membincangkan mengenai koordinasi dan pengurusan air di negara ini.

Sejak mesyuarat pertama penubuhannya pada akhir Jun 1998, majlis berkenaan tidak pernah mengadakan sebarang mesyuarat walaupun sekretariatnya telah diwujudkan, kata beliau.

Dr Koh memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan buku "Learning About Water - A Training Manual" oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Penang Water Watch di sini.

Menurut beliau, mesyuarat pertama majlis itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah disertai oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Majlis itu yang ditubuhkan pada tahun 1998 bertujuan memusatkan usaha bersama antara negeri-negeri mengenai pengurusan dan kerjasama dalam pembekalan air.

Mesyuarat itu juga sepatutnya membincangkan kertas-kertas cadangan mengenai kerjasama pembekalan air di seluruh negeri.

Koh berkata, mesyuarat seterusnya sepatutnya membincangkan kertas-kertas cadangan mengenai pengurusan air tetapi sekretariat kemudiannya tidak memberi sebarang maklumat balas.

"Majlis itu dijangka menjadi penyelaras bagi membincangkan usahasama pembekalan air kerana terdapat negeri yang kaya dengan sumber air dan terdapat pula negeri yang mengalami masalah bekalan air," kata beliau.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Pulau Pinang telah mencapai sasaran piawaian antarabangsa mengenai peratusan penggunaan air tanpa pendapatan (Non Revenue Water (NRW)) sebanyak 30 peratus seperti yang ditetapkan oleh Bank Pembangunan Asia.

Tahap penggunaan NRW Pulau Pinang sekarang ialah sebanyak 25 peratus sahaja dan kerajaan mempunyai sasaran untuk mencapai tahap 18 peratus pada tahun 2005.

NRW ialah tahap penggunaan air bersih yang dianggap sebagai pembuangan.

-- BERNAMA

AZE PR